

26 JAN 1997

Anwar - Islam (Bergambar)

UMAT ISLAM TOLAK KEMAJUAN MULTIMEDIA AKAN KETINGGALAN, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Umat Islam yang menolak kemajuan multimedia akan ketinggalan dan kolot, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Mereka yang menolak kemajuan dalam bidang teknologi maklumat dan multi media adalah umat yang hina di sisi Allah dan dianggap kalah dalam persaingan hebat di bidang itu," katanya ketika berucap sebelum majlis berbuka puasa bersama pemimpin Umno Wilayah Persekutuan dan Selangor di Masjid Al-Iman Ash-Shafie, Taman Maluri dekat Cheras di sini malam ini.

Anwar berkata selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar umat Islam aktif dalam perkembangan multimedia, mereka hendaklah memanfaatkan faedah Internet kerana seperti media lain, bukan semuanya tidak baik.

"Jangan hendak menentang sahaja kerana sikap remeh-temeh demikian hanya menunjukkan kejahilan mereka dan saya nasihatkan mereka (golongan yang menentang) agar jangan asyik membelek bab yang bogel-bogel kerana dalam Internet juga ada home-page Islam yang membolehkan seseorang memperbaiki bacaan al-Quran," katanya.

Beliau berkata sempena bulan Ramadan, umat Islam mestilah mengambil kesempatan memperkukuhkan institusi keluarga masing-masing dengan menerapkan prinsip "Shaharul Ramadan" agar ia benar-benar meninggalkan kesan dan makna kepada umat.

Anwar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet bagi Mengatasi Masalah Sosial berkata, sebahagian besar daripada masalah sosial yang dihadapi sekarang akan selesai sekiranya umat Islam berusaha mempertingkatkan tanggungjawab di samping menjadikan diri mereka sebagai umat contoh.

"Dalam menangani gejala sosial yang mengancam masyarakat sekarang, setiap kariah masjid hendaklah berusaha menarik minat remaja agar mendampingi masjid dengan melantik wakil mereka menduduki jawatankuasa masjid," katanya.

"Jadikanlah masjid sebagai model dengan mengadakan pelbagai aktiviti untuk menarik generasi muda ke masjid di samping beribadat dengan bertanyakan apa mereka mahu asalkan tidak lari daripada prinsip," tambahnya.

Beliau membidas perbuatan sesetengah pihak yang menyalahgunakan masjid dan surau dan tidak memelihara kesucian rumah ibadat itu.

Oleh itu, umat Islam sepatutnya mengambil kesempatan daripada kemuliaan bulan Ramadan untuk kembali ke dalam proses mensucikan diri dengan mengambil iktibar daripada pengajaran yang diterima daripada ibadat berpuasa, katanya.

Anwar berkata umat Islam juga hendaklah berusaha menangkis tafsiran salah mengenai mereka yang dibuat oleh golongan orientalis dengan membuktikan bahawa mereka sentiasa melakukan kebaikan bukan sahaja pada bulan Ramadan malahan sepanjang masa.

Yang hadir sama ialah Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib selaku Pengerusi Perhubungan Umno Selangor dan Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamad. -- BERNAMA

ZAB FAZ